Semoga Allah merahmati seseorang yang bermudah-mudah apabila menjual, membeli, dan menuntut haknya

Daripada Jabir RA bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Semoga Allah merahmati seseorang yang bermudah-mudah apabila menjual, membeli, dan menuntut haknya."

[رواه البخاري] [صحيح]

Nabi ﷺ mendoakan rahmat bagi setiap orang yang bertolak ansur, dermawan lagi pemurah dalam jualannya; Maka janganlah menyusahkan pembeli dari sudut harga, dan layanilah dia dengan akhlak yang baik, Bertolak ansur dan pemurah apabila membeli; tidak merendah-rendahkan dan mengurangkan nilai barangan, Bersikap mudah, pemurah dan dermawan apabila menuntut pelunasan hutang. Tidak menyusahkan orang fakir dan yang memerlukan, bahkan menuntutnya dengan lemah lembut, serta memberi penangguhan kepada orang yang dalam kesusahan.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3716